

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 ( 28 )

15 April 2020  
21 Syaaban 1441

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 24/2020

### PENUBUHAN JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bilangan 11/2019 pada 17 Jun 2019, telah menerima maklum arahan Penubuhan Jawatankuasa Antirasuah, di bawah Arahan Y.A.B Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 dan seterusnya meluluskan penubuhan Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Universiti Teknologi Malaysia.

2. Melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) UTM Bil.1/2020 pada 14 Januari 2020, Universiti telah mengeluarkan arahan untuk membuat hebahan peranan dan tanggungjawab jawatankuasa ini kepada semua warga UTM. Keperluan pelaporan ke Jawatankuasa Antirasuah oleh semua Jabatan ke Jawatankuasa Antirasuah di peringkat UTM yang dipengerusikan oleh Naib Canselor akan dimaklumkan secara berasingan melalui urus setia dari Pejabat Penasihat Undang-Undang.

3. Jawatankuasa tersebut ditubuhkan untuk mendukung usaha memperkukuhkan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan. Usaha ini direalisasikan melalui pembentukan inisiatif Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan serta bebas daripada perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan seperti disarankan oleh Arahan Y.A.B Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018.

4. Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Antirasuah (JAR) UTM adalah seperti berikut:

- a. Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan empat (4) terma rujukan yang telah ditetapkan iaitu:
  - i. Dasar, Perundangan & Peraturan,
  - ii. Sistem & Prosedur Kerja,
  - iii. Pengukuhan Governan & Integriti,
  - iv. Pengesanan, Pematuhan, Punitif & Pemulihan

- b. Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan kepada Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan.

5. Keahlian dan Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Antirasuah (JAR) UTM adalah seperti di Lampiran.

6. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai penubuhan Jawatankuasa Antirasuah (JAR) UTM ini. Maklumat lanjut berhubung penubuhan jawatankuasa ini boleh dirujuk kepada Unit Integriti, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)**

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan UTM Pagoh
  - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 ( 28 )

15 April 2020  
21 Syaaban 1441

## ADMINISTRATIVE CIRCULAR NO. 24/2020

### ESTABLISHMENT OF ANTI-CORRUPTION COMMITTEE (ACC) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

We are pleased to inform that the University Management Committee Meeting No. 11/2019 on 17 June 2019, has received the directive on the establishment of the Anti-Corruption Committee (ACC), under the Honourable Prime Minister in directive No. 1 of 2018 and subsequently approved the establishment of the Anti-Corruption Committee (ACC) of Universiti Teknologi Malaysia.

2. By decision of the UTM Anti-Corruption Committee (ACC) Meeting No.1/2020 on 14 January 2020, the University has issued a directive to declare the role and responsibilities of the committee to all community in UTM. The requirements for reporting to the Anti-Corruption Committee by all Departments to the Anti-Corruption Committee at the UTM level chaired by the Vice Chancellor will be communicated separately through a secretariat from the Office of Legal Advisors.

3. The committee is formed to support efforts to strengthen the Government Administration Management System. This effort is realized through the establishment of Governance, Integrity and Anti-Corruption initiatives in Government Administration to be free from corruption, abuse of power and embezzlement as advised by the Prime Minister in directive No. 1 of 2018.

4. The roles and responsibilities of the UTM Anti-Corruption Committee (ACC) are as follows:

- a. Identify issues, problems and steps for improvement based on four (4) defined terms of reference:
  - i. Policies, Legislation & Regulations
  - ii. Systems & Procedures,
  - iii. Strengthening Governance & Integrity,
  - iv. Detection, Compliance, Punitive & Recovery

- b. Recommends remedial measures and recommendations to the National Anti-Corruption Committee (NACC)

5. Membership and Terms of Reference (TOR) of the UTM Anti-Corruption Committee (ACC) is in the Appendix.

6. In this regard, please be informed of the establishment of the UTM Anti-Corruption Committee (ACC). Further information on the setting up of this committee can be obtained from the Integrity Unit, Office of the Legal Advisor, Universiti Teknologi Malaysia.

Thank you.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

I, who uphold trust,



**(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)**

Registrar

- c.c. - Vice-Chancellor
- Deputy Vice-Chancellor (Development)
- Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)
- Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
- Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs)
- Pro-Vice-Chancellor (UTM Kuala Lumpur)
- Director Research Centre – UTM Pagoh
- Senior Officers / Deans / Directors

**KEAHLIAN JAWATANKUASA ANTI-RASUAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**Pengerusi** : Naib Canselor

**Pengerusi Ganti** : Salah seorang Timbalan Naib Canselor

**Ahli-Ahli**

**Kategori (A)**

- i. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- ii. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- iii. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- iv. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- v. Pengerusi Majlis Profesor
- vi. Pendaftar
- vii. Bendahari

**Kategori (B) - Dekan/Pengarah**

- i. Pro-Naib Canselor UTM Kuala Lumpur
- ii. Pengarah Pejabat Kualiti dan Pengurusan Risiko (QRiM)
- iii. Pengarah Pusat Kesihatan UTM

**Kategori (C) - Pegawai Agama**

Pengarah Pusat Islam

**Kategori (D) - Penasihat Undang–Undang**

Penasihat Undang – Undang UTM

**Kategori (E) - Pegawai Komunikasi Korporat**

Pengarah, Pejabat Hal Ehwal Korporat UTM

**Kategori (E) - Pegawai Perhubungan Pelanggan**

Timbalan Pendaftar (Bahagian Sumber Manusia)

**Kategori (E) - Ahli-Ahli Lain yang Difikirkan Perlu**

Ketua Unit Audit Dalam

**Urus setia**

Unit Integriti, UTM

**TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR)**

Empat (4) Terma Rujukan pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam pengurusan pentadbiran Kerajaan adalah seperti berikut:

**1. Dasar, Perundangan dan Peraturan**

Mengenal pasti, mengkaji serta memperaku pindaan atau keperluan mana-mana dasar dan perundangan Kementerian, jabatan dan agensi serta peraturan-peraturan yang dapat mengatasi kelemahan pengurusan; mempertingkatkan kawalan dalaman terhadap pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans; mewujudkan dan mendokumenkan pelan pencegahan bagi meningkatkan amalan governans terbaik bagi mengatasi kerenah birokrasi.

- i. Timbul sesuatu isu berkaitan pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans namun perkara ini tidak dapat ditangani dengan dasar, undang-undang dan peraturan sedia ada;
- ii. Peruntukan dasar, undang-undang dan peraturan sedia ada terlalu kabur, longgar dan mudah untuk dimanipulasi oleh pihak tertentu; dan

- iii. Ketiadaan atau kelemahan pelan pencegahan yang bersesuaian menyebabkan kementerian, jabatan dan agensi tidak dapat menangani isu pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans dengan berkesan.

## **2. Sistem dan Prosedur Kerja**

Mengenal pasti dan mengkaji kelemahan/keperluan sistem dan prosedur kerja kementerian, jabatan, agensi yang lapuk/terlalu rumit sehingga menimbulkan pelbagai kerenah birokrasi, melemahkan pentadbiran, ketidakadilan serta membuka peluang kepada perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa;

Kementerian, jabatan dan agensi hendaklah mengambil tindakan untuk menambah baik dan memperakukan perubahan dalam sistem dan prosedur kerja yang berkaitan serta memaklumkan kepada seluruh warga kerja.

- i. Terdapat isu berkaitan pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans yang tidak dapat ditangani dengan sistem dan prosedur kerja sedia ada;
- ii. Sistem dan prosedur kerja sedia ada tidak mengambil kira integrasi sistem antara agensi yang mengakibatkan pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans; dan
- iii. Sistem dan prosedur kerja sedia ada telah lapuk, longgar dan tidak relevan dengan keperluan semasa akibat perubahan dasar, perundangan, peraturan dan teknologi terkini.

## **3. Pengukuhan Governans & Integriti**

Mengenal pasti isu dan tindakan yang bersesuaian bagi memperkukuhkan aspek governans dan integriti melalui inisiatif pencegahan, penggalakan dan pembudayaan governans dan penginstitutionan integriti secara terancang bagi mencegah pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans.

- i. Kelemahan governans dalam pengurusan organisasi yang melibatkan elemen-elemen seperti ketelusan (*transparent*), akauntabiliti (*accountability*), kedaulatan undang-undang (*rule of law*), responsif (*responsiveness*), kesepakatan (*consensus oriented*), ekuiti dan kebersamaan (*equity and inclusiveness*), keberkesanan dan kecekapan (*effectiveness and efficiency*) serta penglibatan (*participation*) warga organisasi; dan,
- ii. Kelemahan integriti melibatkan nilai dan etika dalam kalangan individu antaranya termasuklah isu kepimpinan, kejujuran, amanah dan kewibawaan.

#### **4. Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan**

Melaksanakan tindakan pengesanan, pematuhan, punitif dan pemulihan yang tegas secara adil dan saksama terhadap sebarang pelanggaran undang-undang, peraturan dan prosedur kerja atau kod etika kerja;

Bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang berkaitan atau mana-mana pihak lain bagi mengambil tindakan sewajarnya terhadap salahlaku/jenayah yang dilakukan oleh warga organisasi dan pihak yang berkepentingan; dan

Mengambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera berdasarkan undang-undang/peraturan tata tertib terhadap mereka yang terlibat.

- i. Kelemahan dalam tindakan pengesanan awal kepada pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans serta tidak peka kepada risiko-risiko rasuah yang wujud dalam organisasi;
- ii. Kelemahan organisasi dalam mewujudkan mekanisma dan program pematuhan yang berkesan terhadap dasar, undang-undang, peraturan sistem dan prosedur serta kod etika;
- iii. Kelemahan organisasi dalam mengambil tindakan punitif secara adil dan tegas terhadap sebarang pelanggaran disiplin dan jenayah; dan



- iv. Kelemahan organisasi dalam mengambil tindakan pemulihan terhadap individu seperti menyediakan khidmat nasihat (*counselling*) dan penyeliaan rapi kepada warga kerja yang telah melanggar peraturan tatatertib serta warga kerja yang bermasalah.



**KERAJAAN MALAYSIA**

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI**

**NO. 1 TAHUN 2018**

**PEMANTAPAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN  
ANTI-RASUAH DALAM  
PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN  
MALAYSIA:**

**MEKANISME PENGURUSAN GOVERNANS,  
INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH KEBANGSAAN**

**JABATAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA**

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI NO. 1**

**TAHUN 2018**

**PEMANTAPAN GOVERNANS, INTEGRITI  
DAN ANTI-RASUAH DALAM PENGURUSAN  
PENTADBIRAN KERAJAAN MALAYSIA:**

**MEKANISME PENGURUSAN GOVERNANS,  
INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH  
KEBANGSAAN**



## KANDUNGAN

1.	Tujuan	4
2.	Latar Belakang	4
3.	Objektif	5
4.	Terma Rujukan	6
5.	Struktur dan Mekanisme	9
6.	Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR)	10
7.	Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan	12
8.	Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi Persekutuan	13
9.	Keanggotaan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kerajaan Negeri	15
10.	Kekerapan Mesyuarat dan Laporan Isu	17
11.	Hubung Kait Peranan Jawatankuasa-jawatankuasa Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan	19
12.	Pelaksanaan Arahan	20
13.	Penutup	21
14.	Lampiran A - Struktur Aliran Pelaksanaan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) dan Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR)	22
15.	Lampiran B - Format Laporan Isu Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR)	23

## **1. TUJUAN**

- 1.1 Arahan ini bertujuan mendukung usaha memperkukuhkan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan. Usaha ini direalisasikan melalui pembentukan inisiatif Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan bagi menggantikan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan. Matlamat utama pemantapan ini adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Bagi mencapai hasrat ini, pengurusan pentadbiran Kerajaan hendaklah dilaksanakan dengan cekap, berdisiplin dan berintegriti.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sistem pentadbiran yang lebih bersih, telus, efektif dan terbuka menjadi agenda utama Kerajaan melalui tindakan mencegah penyelewengan dan ketirisan dana Kerajaan demi kebajikan rakyat dan kepentingan negara.
- 2.2 Kepimpinan Kerajaan kini telah menyatakan hasrat dan komitmen yang tinggi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas daripada rasuah serta meningkatkan tadbir urus dan integriti di kalangan warga kerja terutamanya mereka yang dalam perkhidmatan awam.
- 2.3 Bagi merealisasikan agenda ini, Kerajaan bersetuju supaya Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) dipinda kepada Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) pada 8 Jun 2018. Mesyuarat JKKMKPK Siri 70/ JKKMAR Siri 1 Bil. 1 Tahun 2018 pada 8 Jun 2018 telah bersetuju supaya usaha pemantapan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan mengenai governans, integriti dan antirasuah perlu diberi penekanan serius.

2.4 Mesyuarat tersebut juga memutuskan sekretariat JKKMAR diletakkan di bawah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) yang diwujudkan bagi menasihati, merancang, menyelaras, memantau, menilai dan melapor semua inisiatif berkaitan governans, integriti dan antirasuah sekali gus menjadikan GIACC peneraju dalam usaha-usaha pemantapan berkaitan governans, integriti dan antirasuah dalam pentadbiran Kerajaan Malaysia.

### 3. OBJEKTIF

Pemantapan governans, integriti dan antirasuah mempunyai visi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang memartabatkan governans, integriti dan antirasuah di mata dunia. Visi ini dicapai melalui misi yang ditetapkan iaitu meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan Kerajaan berteraskan prinsip governans, integriti dan antirasuah yang memfokuskan kepada tiga bidang utama iaitu **pengukuhan governans, pemantapan integriti dan antirasuah**. Bagi mencapai objektif ini, dua jawatankuasa utama bertindak sebagai penggerak iaitu:

- i. Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR); dan
- ii. Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR)

3.1 Objektif JKKMAR dan JAR dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan komitmen Kerajaan merangkumi semua sektor dalam pembanterasan rasuah sekali gus meningkatkan imej negara;
- ii. Menjana sinergi dalam memastikan sistem pentadbiran Kerajaan dapat digerakkan dalam persekitaran sifar toleransi terhadap rasuah; dan

- iii. Memperkukuh kualiti sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan berteraskan prinsip ketelusan, akauntabiliti serta berdaya saing.

#### **4. TERMA RUJUKAN**

Empat terma rujukan pementapan governans, integriti dan antirasuah dalam pengurusan pentadbiran Kerajaan adalah seperti berikut:

##### **4.1 Dasar, Perundangan dan Peraturan**

Mengenal pasti, mengkaji serta memperaku pindaan atau keperluan kepada mana-mana dasar dan perundangan kementerian, jabatan dan agensi serta peraturan-peraturan yang dapat mengatasi kelemahan pengurusan, mempertingkatkan kawalan dalaman terhadap pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans. Seterusnya mewujudkan dan mendokumenkan pelan pencegahan bagi meningkatkan amalan governans terbaik bagi mengatasi kerenah birokrasi ke arah pencapaian sistem penyampaian Perkhidmatan Awam yang berintegriti dan akauntabiliti.

Huraian:

- i. Timbul sesuatu isu berkaitan pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans namun perkara ini tidak dapat ditangani dengan dasar, undang-undang dan peraturan sedia ada;
- ii. Peruntukan dasar, undang-undang dan peraturan sedia ada terlalu kabur, longgar dan mudah untuk dimanipulasi oleh pihak tertentu; dan



- iii. Ketiadaan atau kelemahan pelan pencegahan yang bersesuaian menyebabkan kementerian, jabatan dan agensi tidak dapat menangani isu pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans dengan berkesan.

## **4.2 Sistem dan Prosedur Kerja**

Mengenal pasti dan mengkaji kelemahan atau keperluan sistem dan prosedur kerja kementerian, jabatan dan agensi yang lapuk ataupun terlalu rumit sehingga menimbulkan pelbagai kerenah birokrasi, melemahkan pentadbiran, ketidakadilan serta membuka peluang kepada perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Kementerian, jabatan dan agensi hendaklah mengambil tindakan untuk menambah baik dan memperakukan apa-apa perubahan dalam sistem dan prosedur kerja yang berkaitan serta memaklumkan kepada seluruh warga kerja kementerian, jabatan dan agensi.

Huraian:

- i. Terdapat isu berkaitan pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans yang tidak dapat ditangani dengan sistem dan prosedur kerja sedia ada;
- ii. Sistem dan prosedur kerja sedia ada tidak mengambil kira integrasi sistem antara agensi yang mengakibatkan pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans; dan
- iii. Sistem dan prosedur kerja sedia ada telah lapuk, longgar dan tidak relevan dengan keperluan semasa akibat perubahan dasar, perundangan, peraturan dan teknologi terkini.

### 4.3 Pengukuhan Governans dan Integriti

Mengenal pasti isu dan tindakan yang bersesuaian bagi memperkukuh aspek governans dan integriti melalui inisiatif pencegahan, penggalakan dan pembudayaan governans dan penginstitutionan integriti secara terancang bagi mencegah pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans.

Huraian:

- i. Kelemahan governans dalam pengurusan organisasi yang melibatkan elemen-elemen seperti ketelusan (*transparent*), akauntabiliti (*accountability*), kedaulatan undang-undang (*rule of law*), responsif (*responsiveness*), kesepakatan (*consensus oriented*), ekuiti dan kebersamaan (*equity and inclusiveness*), keberkesanan dan kecekapan (*effectiveness and efficiency*) serta penglibatan (*participation*) warga organisasi; dan
- ii. Kelemahan integriti melibatkan nilai dan etika dalam kalangan individu antaranya termasuklah isu kepimpinan, kejujuran, amanah dan kewibawaan.

### 4.4 Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan

Melaksanakan tindakan pengesanan, pematuhan, punitif dan pemulihan yang tegas secara adil dan saksama terhadap sebarang pelanggaran undang-undang, peraturan dan prosedur kerja atau kod etika kerja. Bekerjasama dengan agensi penguat kuasa yang berkaitan atau mana-mana pihak lain bagi mengambil tindakan sewajarnya terhadap sebarang bentuk salah laku atau jenayah yang dilakukan oleh warga organisasi dan pihak luar yang berkepentingan dengan organisasi. Mengambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera berdasarkan undang-undang atau peraturan tata tertib terhadap mereka yang terlibat.

Huraian:

- i. Kelemahan dalam tindakan pengesanan awal kepada pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan governans serta tidak peka kepada risiko-risiko rasuah yang wujud dalam organisasi;
- ii. Kelemahan organisasi dalam mewujudkan mekanisme dan program pematuhan yang berkesan terhadap dasar, undang-undang, peraturan, sistem dan prosedur serta kod etika;
- iii. Kelemahan organisasi dalam mengambil tindakan punitif secara adil dan tegas terhadap sebarang pelanggaran disiplin dan jenayah; dan
- iv. Kelemahan organisasi dalam mengambil tindakan pemulihan terhadap individu seperti menyediakan khidmat nasihat (*counselling*) dan penyeliaan rapi kepada warga kerja yang telah melanggar peraturan tatatertib serta warga kerja yang bermasalah.

## 5. STRUKTUR DAN MEKANISME

- 5.1 Struktur mekanisme pelaksanaan Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan di peringkat kebangsaan dilaksanakan melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.
- 5.2 Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kelangsungan pelaksanaan Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan, Arahan ini **menetapkan semua Ketua Setiausaha Kementerian,**

**Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Perkhidmatan, Ketua Jabatan dan Ketua Agensi Persekutuan untuk menubuhkan JAR di peringkat masing-masing.**

**6. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI ANTI-RASUAH (JKKMAR)**

**6.1 Keanggotaan JKKMAR**

**Pengerusi** : YAB Perdana Menteri

**Timbalan Pengerusi** : YAB Timbalan Perdana Menteri

**Ahli-ahli** :

- i. Menteri-menteri Persekutuan yang ditetapkan oleh YAB Perdana Menteri (*tertakluk pada keperluan semasa*)
- ii. Ketua Setiausaha Negara
- iii. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- iv. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- v. Ketua Audit Negara
- vi. Peguam Negara
- vii. Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) merangkap Ketua Urus Setia
- viii. Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- ix. Semua Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Persekutuan
- x. Ahli lain yang difikirkan perlu

**Urus Setia Bersama** :  
i. Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC),  
Jabatan Perdana Menteri

- ii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

## **6.2 Peranan dan Tanggungjawab JKKMAR**

- i. Menimbang dan menentukan dasar berhubung dengan pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan;
- ii. Memantau dan menilai kecekapan pelaksanaan dan keberkesanan dasar, undang-undang, peraturan dan sistem prosedur bagi memantapkan governans, integriti dan antirasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan; dan
- iii. Menimbang dan meluluskan cadangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli JKKMAR dan JAR Peringkat Kebangsaan berhubung pelaksanaan inisiatif dan tindakan penambahbaikan berkaitan pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam pentadbiran Kerajaan.

## **6.3 Peranan dan Tanggungjawab Urus Setia Bersama JKKMAR**

- i. Menyemak, menyelaraskan dan membentangkan maklum balas Mesyuarat JKKMAR;
- ii. Menyelaraskan penyediaan dan menyemak kertas pertimbangan/ kertas konsep bagi tujuan pembentangan dalam Mesyuarat JKKMAR;
- iii. Mengemukakan cadangan pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan daripada JAR Peringkat Kebangsaan untuk pertimbangan dan kelulusan JKKMAR; dan

- iv. Mengemukakan sebarang cadangan pementapan governans, integriti dan anti-rasuah kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk pertimbangan Jemaah Menteri melalui Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional sekiranya terdapat isu-isu semasa yang memerlukan perhatian dan tindakan segera dan/ atau Mesyuarat JKKMAR tidak dapat bersidang dalam tempoh masa yang ditetapkan.

## **7. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA ANTI-RASUAH (JAR) PERINGKAT KEBANGSAAN**

### **7.1 Keanggotaan JAR Peringkat Kebangsaan:**

**Pengerusi** : Ketua Setiausaha Negara

**Pengerusi Ganti** : Ketua Pengarah GIACC

**Ahli-ahli** :

- i. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- ii. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- iii. Ketua Audit Negara
- iv. Peguam Negara
- v. Ketua Pesuruhjaya SPRM (merangkap Ketua Urus Setia)
- vi. Semua KSU Kementerian Persekutuan
- vii. Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
- viii. Ahli lain yang difikirkan perlu

**Urus Setia** : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
(SPRM)

## **7.2 Peranan dan Tanggungjawab JAR Peringkat Kebangsaan**

- i. Menentukan isu-isu berimpak tinggi yang merentasi agensi serta mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan penambahbaikan kepada JKKMAR;
- ii. Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan terus kepada JAR Peringkat Kementerian Persekutuan/ Kerajaan Negeri yang mana pada pandangan JAR Peringkat Kebangsaan tidak perlu dirujuk kepada JKKMAR;
- iii. Mengenal pasti, menganalisis dan merancang tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi isu governans, integriti dan antirasuah; dan
- iv. Mengenal pasti isu-isu kelemahan governans, integriti dan antirasuah berdasarkan laporan audit, laporan penarafan atau apa-apa laporan yang berkaitan.

## **8. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA ANTI - RASUAH (JAR) PERINGKAT KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI PERSEKUTUAN**

### **8.1 Keanggotaan JAR Peringkat Kementerian Persekutuan:**

**Pengerusi** : Ketua Setiausaha Kementerian

**Pengerusi Ganti** : Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian (Terkanan)

**Ahli-ahli** :

- i. Semua Setiausaha Bahagian
- ii. Ketua Jabatan/ Agensi di bawah Kementerian

- iii. Pegawai Penasihat Undang-undang atau Pegawai Undang-undang Kementerian (*jika ada*)
- iv. Pegawai Audit Dalam (*jika ada*)
- v. Ahli lain yang difikirkan perlu

**Urus Setia** : Unit Integriti Kementerian

## **8.2 Keanggotaan JAR Peringkat Jabatan/ Agensi Persekutuan di Peringkat Persekutuan:**

**Pengerusi** : Ketua Pengarah Jabatan/ Agensi

**Pengerusi Ganti** : Timbalan Ketua Pengarah Jabatan/ Agensi (Terkanan)

**Ahli-ahli** :

- i. Pengarah atau Ketua setiap Bahagian dalam Jabatan atau Agensi
- ii. Pegawai Penasihat Undang-undang atau Pegawai Undang-undang Jabatan atau Agensi (*jika ada*)
- iii. Pegawai Audit Dalam (*jika ada*)
- iv. Ahli lain yang difikirkan perlu

**Urus Setia** : Unit Integriti Jabatan/ Agensi di Peringkat Persekutuan

## **8.3 Keanggotaan JAR Peringkat Jabatan/ Agensi Persekutuan di Negeri:**

**Pengerusi** : Ketua Jabatan/ Agensi

**Pengerusi Ganti** : Timbalan Ketua Jabatan/ Agensi (Terkanan)





**Ahli-ahli** :

- i. Ketua setiap Bahagian/ Cawangan di Jabatan atau Agensi
- ii. Pegawai Penasihat Undang-undang atau Pegawai Undang-undang Jabatan atau Agensi (*jika ada*)
- iii. Pegawai Audit Dalam (*jika ada*)
- iv. Ahli lain yang difikirkan perlu

**Urus Setia** : Unit Integriti Jabatan/ Agensi Persekutuan di Negeri

#### **8.4 Peranan dan Tanggungjawab JAR Kementerian/ Jabatan/ Agensi Persekutuan di Peringkat Persekutuan dan Negeri**

- i. Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan empat terma rujukan yang telah ditetapkan; dan
- ii. Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan kepada JAR Peringkat Kebangsaan.

### **9. KEANGGOTAAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA ANTI-RASUAH (JAR) PERINGKAT KERAJAAN NEGERI**

#### **9.1 Keanggotaan JAR Peringkat Kerajaan Negeri**

**Pengerusi** : Setiausaha Kerajaan Negeri

**Pengerusi Ganti** : Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Terkanan)

**Ahli-ahli** :

- i. Pegawai Kewangan Negeri
- ii. Pegawai Daerah (Semenanjung Malaysia/ Sabah)
- iii. Residen (Bagi Negeri Sarawak)
- iv. Pengarah SPRM Negeri
- v. Penasihat Undang-Undang Negeri
- vi. Pegawai Audit Negeri
- vii. Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri
- viii. Ahli lain yang difikirkan perlu

**Urus Setia** : Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

**9.2 Peranan dan Tanggungjawab JAR Peringkat Kerajaan Negeri**

- i. Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan empat terma rujukan yang telah ditetapkan; dan
- ii. Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan kepada JAR Peringkat Kebangsaan.

**9.3 Laporan Isu oleh Peringkat Residen Bahagian dan Peringkat Daerah**

Pejabat Residen Bahagian dan Pejabat Daerah hendaklah menyelaraskan isu-isu di peringkat Residen/ Daerah dan mengemukakan input-input tersebut kepada Urus Setia JAR Peringkat Negeri. Laporan isu tersebut perlu dikemukakan sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh Mesyuarat JAR Peringkat Kerajaan Negeri.

Bagi tujuan tersebut, Pejabat Residen Bahagian dan Pejabat Daerah hendaklah melantik Pegawai Penyelaras untuk menyelaras dan mengemukakan input-input yang diperolehi mengenai governans, integriti dan antirasuah kepada Urus Setia JAR Peringkat Kerajaan Negeri.

## 10. KEKERAPAN MESYUARAT DAN LAPORAN ISU

### 10.1 Jadual Mesyuarat JKKMAR

JKKMAR akan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa **empat bulan**. Mesyuarat perlu diadakan dalam **bulan Mac, Julai dan November setiap tahun**.

### 10.2 Jadual Mesyuarat JAR

Semua Pengerusi JAR dan Ketua Jabatan dikehendaki mengadakan mesyuarat masing-masing **tiga kali setahun** dan **perlu diadakan dalam bulan Januari, Mei dan September** dan melaporkan status tindakan mereka kepada JAR di peringkat yang lebih tinggi dengan mekanisme pelaporan dan pemantauan seperti berikut:

#### 10.2.1 Laporan Isu Peringkat Persekutuan

- i. JAR Jabatan atau Agensi Persekutuan di Negeri dikehendaki mengemukakan laporan isu masing-masing kepada JAR di peringkat Jabatan Persekutuan.
- ii. JAR Jabatan Persekutuan dikehendaki mengemukakan laporan isu masing-masing kepada JAR di peringkat Kementerian.
- iii. JAR Kementerian dikehendaki menyalurkan laporan isu masing-masing **setiap empat bulan**

sekali iaitu sebelum atau pada minggu kedua bulan **Januari, Mei dan September** kepada Urus Setia JAR Peringkat Kebangsaan (SPRM).

#### **10.2.2 Laporan Isu Peringkat Negeri**

JAR Peringkat Kerajaan Negeri dikehendaki menyalurkan laporan isu masing-masing **setiap empat bulan** sekali iaitu sebelum atau pada minggu kedua bulan **Januari, Mei dan September** kepada Urus Setia JAR Peringkat Kebangsaan (SPRM).

#### **10.2.3 Laporan Maklum Balas JAR Peringkat Kebangsaan**

JAR Peringkat Kebangsaan dikehendaki menyalurkan laporan maklum balasnya **setiap empat bulan** sekali iaitu sebelum atau pada minggu kedua bulan **Februari, Jun dan Oktober** kepada Urus Setia JKKMAR (GIACC).


### **10.3 Format Laporan Isu**

- i. Format laporan isu adalah sepertimana di Lampiran B.
- ii. Semua Urus Setia JAR Peringkat Kementerian dan Kerajaan Negeri perlu membuat analisis terhadap isu-isu yang dikemukakan oleh JAR Peringkat Jabatan/ Agensi Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri sebelum laporan isu dikemukakan kepada Urus Setia JAR Peringkat Kebangsaan ke alamat:

**Ketua Pesuruhjaya  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
Blok C, Ibu Pejabat SPRM  
No. 2, Lebuhr Wawasan  
Presint 7, 62250 Putrajaya  
u.p.: Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi)**

## **11. HUBUNG KAIT PERANAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PEMANTAPAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH DALAM PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN**

- 11.1 Pelaksanaan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan menetapkan bahawa semua jawatankuasa sama ada di peringkat Kebangsaan, Kementerian dan Negeri mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali setahun dan laporan isu setiap jawatankuasa perlu dikemukakan sekurang-kurangnya dua minggu sebelum setiap mesyuarat berkenaan.
- 11.2 Urus Setia JAR Peringkat Kementerian/ Jabatan/ Negeri adalah Unit Integriti agensi berkenaan. Bagi mana-mana Kementerian/ Jabatan/ Negeri yang tidak mempunyai Ketua Unit Integriti, maka pegawai yang dipertanggungjawabkan sebagai pegawai penyelaras mengenai governans, integriti dan antirasuah akan menjalankan fungsi berkenaan.
- 11.3 Ketua Unit Audit Dalam hendaklah bekerjasama rapat dengan Ketua Unit Integriti Peringkat Kementerian dan Kerajaan Negeri melalui perkongsian Laporan Audit Dalam supaya tindakan pembetulan dan pencegahan dapat dilaksanakan secara bersepadu. Melalui kerjasama ini, setiap isu yang berbangkit dapat diselesaikan lebih awal di setiap peringkat seterusnya dapat mengelakkan teguran oleh juruaudit luar.
- 11.4 Secara umumnya, hubung kait antara peranan JKKMAR dengan JAR Peringkat Kebangsaan/ Peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi Persekutuan/ Peringkat Kerajaan Negeri adalah seperti pada Rajah 1.



Rajah 1: Hubung Kait Peranan JKKMAR, JAR Peringkat Kebangsaan dan JAR Peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi Persekutuan/ Kerajaan Negeri

## 12. PELAKSANAAN ARAHAN

- 12.1 Bermula dari tarikh penguatkuasaan Arahan ini, kesemua tindakan yang sebelum ini dilaksanakan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 - Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus terbatal.

12.2 Siri Arahan yang masih berkuat kuasa adalah seperti yang berikut:

- i. Siri 2 No. 1 Tahun 2000 bertarikh 20 April 2000
- ii. Siri 3 No. 2 Tahun 2000 bertarikh 15 Ogos 2000
- iii. Siri 4 No. 3 Tahun 2000 bertarikh 15 Ogos 2000
- iv. Siri 5 No. 4 Tahun 2000 bertarikh 15 Disember 2000
- v. Siri 6 No. 1 Tahun 2001 bertarikh 10 Ogos 2001
- vi. Siri 7 No. 1 Tahun 2007 bertarikh 6 Februari 2007
- vii. Siri 1 No. 1 Tahun 2011 bertarikh 28 Februari 2011

### 13. PENUTUP

Penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) dan Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) menunjukkan komitmen Kerajaan untuk terus memantapkan governans, integriti dan antirasuah dalam pentadbiran Kerajaan Malaysia. Tindakan-tindakan yang dihuraikan dalam Arahan ini perlu dilaksanakan dengan komited dan berterusan bagi mewujudkan pentadbiran kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi bagi kepentingan dan kesejahteraan rakyat.




(TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD)  
Perdana Menteri Malaysia

5 Oktober 2018



STRUKTUR ALIRAN PELAKSANAAN JAWATANKUASA KHAS  
KABINET MENGENAI ANTI-RASUAH (JKKMAR) DAN  
JAWATANKUASA ANTI-RASUAH (JAR)



**FORMAT LAPORAN ISU JAWATANKUASA ANTI-RASUAH (JAR)**

A. Laporkan mengikut pecahan empat (4) terma rujukan JAR mengikut format di bawah:

1. Dasar, Perundangan dan Peraturan
2. Sistem dan Prosedur Kerja
3. Pengukuhan Governans dan Integriti
4. Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan

BIL.	ISU	PUNCA ISU	KESAN ISU	PIHAK-PIHAK LAIN YANG TERLIBAT	USAHA-USAHA PENYELESAIAN DAN STATUS KEMAJUAN
			<i>(Nyatakan sama ada isu ini membawa kepada masalah rasuah/ governans/ integriti/ pentadbiran di peringkat agensi/ merentas agensi)</i>		<i>Usaha-usaha Penyelesaian:</i>  <i>Status Kemajuan:</i>

